

Headline **MFUC: Perkasa keilmuan dua benua**
Date **13. Feb 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **16**
Article Size **840 cm²**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



MFUC: Perkasa keilmuan dua benua

Oleh WAN RAHIMAH DRAMAN >> Gambar ZULHAFIZ HANAFIAH

AL-HAMRA, Andalusia dan Cordoba tiga nama yang akan terus dicatat, dikenang dan dipaparkan apabila membicarakan zaman gemilang keilmuan Islam.

Rentetan dari sejarah gemilang Islam yang panjang di bumi Eropah itu paling sinonim dikaitkan dengan program memperkasakan keilmuan dan ahli akademik secara besar-besaran antara Malaysia dan Perancis.

Sehubungan itu, satu perjanjian persefahaman antara Malaysia-Perancis dimeterai oleh kedua-dua negara melalui projek Pusat Universiti Malaysia-Perancis (MFUC) di ibu kota, baru-baru ini.

Melalui konsep penggabungan pelajar dan pensyarah itu, sifat transformasi keilmuan antara Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Perancis, 18 universiti awam kedua-dua negara dilakukan.

Kerjasama itu melibatkan 11 universiti awam Malaysia dengan tujuh universiti awam Perancis.

Universiti awam Malaysia ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam



ANTARA kerjasama di bawah projek MFUC ialah meningkatkan lagi penyelidikan dan pembangunan universiti. — Gambar hiasan

MFUC.

Sementara itu, tujuh universiti di Perancis pula adalah Université de Bordeaux I, Université de Bourgogne, Université de Bretagne-Sud, Université de La Rochelle, Université Nancy, Université de Paris-Est dan Université

Toulouse.

Gabungan 11 universiti Malaysia di ketuai oleh Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Dzulkifli Abd Razak. Beliau bertindak sebagai Pergerusi Jawatankuasa Naib-Naib Canselor universiti awam Malaysia dalam MFUC.

Sementara Presiden Suruhanjaya Setiakawan Antarabangsa di Eropah yang juga Pengerusi Persidangan Universiti Perancis, Profesor Olivier Audouze memimpin tujuh universiti awam negaranya.

Berdasarkan Projek MFUC, program usaha-sama itu meliputi pertukaran serta penyediaan pelbagai kemudahan untuk para pensyarah dan pelajar melanjutkan pengajian ke tahap tertinggi di peringkat doktor falsafah (PhD) dan membuat penyelidikan.

"Konsep pertukaran dalam kerjasama ini membolehkan pengajian ke peringkat PhD untuk tempoh tiga hingga empat tahun akan diselia oleh profesor kanan daripada kedua-dua negara," kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Kiat.

Menurutnya, kerjasama universiti awam Malaysia-Perancis adalah input utama yang akan memberi impak

besar dalam sistem pembangunan akademik negara sebaik MFUC ditubuhkan tahun lalu.

Pertukaran di peringkat pelajar pula katanya Tee Kiat, melibatkan pelbagai bidang pengajian dari peringkat diploma hingga sarjana sama ada melalui lawatan sambil belajar, latihan dan kursus penelitian dan sebagainya.

"Tumpuan utama sudah tentulah yang melibatkan dalam pembangunan dan penyelidikan (R&D) untuk dikomersialkan secara efektif oleh pelajar dari kedua-dua negara," katanya.

Beliau berkata demikian mewakili Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed ketika berucap dan menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Malaysia-Perancis di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir menyaksikan perjanjian pada majlis itu ialah Duta Besar Perancis di Malaysia, Alain du Boispean.

Sebagai permulaan, empat calon PhD dari UiTM dan UKM telah berlepas ke Perancis bagi mempelopori usahasama antara Kuala Lumpur dan Paris itu.

Selain itu, pertukaran melalui latihan dan pendedahan mempertingkatkan kualiti serta kemahiran tenaga pengajar di peringkat universiti juga akan turut menjadi tumpuan.

Malah projek MFUC itu dikatakan mampu merapatkan lagi jurang akademik antara Barat (Eropah-Perancis sebagai pusatnya) dengan Timur (Malaysia). Sekali gus memartabatkan mutu akademik Malaysia di kalangan ahli akademik Barat di samping mengglobalkan budaya pendidikan dan sosial hidup Malaysia khususnya Melayu kepada masyarakat Eropah.



ONG Tee Keat (kanan) memerhatikan Alaiyan du Boispean dan Dzulkifli Abd. Razak bertukar memorandum kerjasama IPTA Malaysia dan Perancis di Kuala Lumpur, baru-baru ini.